

Dr Ramzah dilantik TNC Penyelidikan dan Inovasi UMS baharu

UB 2.4.2019

KOTA KINABALU: Prof Madya Ts Dr Ramzah Dambul telah dilantik sebagai Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkuat kuasa 1 April 2019 hingga 1 Mac 2022.

Pelantikannya ke jawatan itu diumumkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ramzah, 49, memulakan perkhidmatan di UMS sejak tahun 1998 di Sekolah Sains Sosial yang kini dikenali sebagai Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW) dan mempunyai kepakaran dalam bidang Geografi khususnya berkaitan Sains Iklim (Klimatologi).

Beliau pernah dipinjamkan ke Kementerian Sains, Inovasi dan

Teknologi Malaysia (MoSTI) yang kini dikenali sebagai Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar & Perubahan Iklim (MESTECC) untuk memegang jawatan sebagai Timbalan Ketua Setiausaha kementerian dari Mac 2016 sehingga Mac 2019.

Selain memiliki kepakaran dalam bidang sains iklim, anak kelahiran Ranau Sabah yang mempunyai kelulusan Doktor Falsafah (PhD) dari University of East Anglia United Kingdom ini turut aktif dalam bidang sastera dan penulisan kreatif.

Majlis serah tugas berlangsung pada Isnin yang menyaksikan mantan Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof Dr Shahril

Yusof menyerahkan dokumen serah tugas kepada beliau di Galeri Bangunan Canselori UMS.

Majlis itu turut disaksikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UMS Datuk KY Mustafa, Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D Kamarudin D Mudin dan pegawai-pegawai utama UMS.

Pihak UMS mengucapkan syabas dan tahniah kepada Ramzah dan ucapan terima kasih kepada Shahril.

SHAHRIL (kiri) menyerahkan tugas kepada Ramzah (kanan) sambil diperhatikan oleh KY Mustafa (belakang, kiri) dan D Kamarudin (belakang, kanan).

